

**Langkah Tambahan Pastikan Tiada Masalah Teknikal Dalam Pemilihan Semula CEC  
- Karpal Singh  
Bernama  
17 Ogos, 2013**

GEORGE TOWN, 17 Ogos (Bernama) -- Langkah tambahan akan diambil pada pemilihan semula Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC) DAP bagi memastikan tiada masalah teknikal berlaku, kata Pengerusi parti Karpal Singh.

Pada sidang akhbar di sini Sabtu, beliau berkata pemilihan semula itu kemungkinan besar akan diadakan pada awal November dan venue akan diputuskan pada mesyuarat Khamis depan, yang akan dihadiri anggota CEC penggal 2008-2011.

Ditanya sama ada DAP akan melantik pemerhati bebas untuk memantau proses pemilihan itu, beliau berkata persoalan mengenai pemerhati bebas tidak timbul.

Mengenai sama ada beliau yakin mempertahankan jawatannya, Karpal Singh berkata: "Saya serahkan kepada perwakilan untuk membuat keputusan. Tiada masalah."

Pada 30 Julai lepas, Pendaftar Pertubuhan Malaysia (ROS) memutuskan DAP perlu mengadakan pemilihan semula CECnya selepas badan itu tidak berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan oleh parti berhubung dakwaan penyelewengan pengundian dan manipulasi undi membabitkan 547 perwakilan pada pemilihan yang diadakan 15 Dis lepas.

DAP pada awalnya membantah arahan ROS itu tetapi kemudiannya memutuskan akan berbuat demikian.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=970659>